

Dr. Mahathir ajak rakyat tolak Pas

UM 1 / AUG 2002

MARANG 16 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengajak rakyat menolak pemimpin Pas dan parti itu dalam pilihan raya akan datang kerana terus mencemarkan imej Islam dengan ajaran-ajaran yang semakin menyesatkan.

Beliau yang menganggap pemimpin Pas bukan ulama sebenar turut bimbang kerana mereka telah bertindak semakin jauh untuk memesonkan pemikiran umat Islam di negara ini.

Menurut Dr. Mahathir, para pemimpin parti itu sanggup menghina Allah dengan menyamakanNya sebagai samseng dan mencarut untuk membenarkan tindak tanduk parti itu.

Beliau meminta rakyat agar tidak takut untuk dituduh tidak Islam kerana menolak Pas ekoran parti itu melakukan dosa besar terhadap agama dan tuhan.

Malah, katanya, dengan dosa parti pembangkang itu mengelirukan rakyat sehingga meruntuhkan perpaduan sesama Islam, adalah menjadi tanggungjawab dan suatu ibadat bagi umat Islam untuk mendedahkan dan membendung keburukan ini.

"Pas bukan sebuah parti Islam kerana sejarahnya menunjukkan ia mengkhianati Islam dan perjuangan bangsa di samping pemimpinnya bukanlah ulama sebenar. Menjadi ibadat bagi kita menolak Pas kerana dosa itu turut terpikul kepada penyokongnya, bukan semata-mata untuk mem-

bolehkan Barisan Nasional terus memerintah," tegasnya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada majlis Perhimpunan Rakyat Terengganu dan serentak perasmian Konvensyen Barisan Nasional Terengganu di Sekolah Menengah Kebangsaan, Tun Telanai dekat sini hari ini.

Majlis ini merupakan himpunan terbesar rakyat Terengganu menghargai Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan sehari ke negeri ini.

Menurut Dr. Mahathir lagi, pemimpin Pas yang mengkhianati Islam telah berjaya mempengaruhi pemikiran rakyat sehingga mereka tidak lagi dapat membezakan kebenaran dan fitnah, kebaikan dan keburukan.

Menurut beliau, pemimpin Pas bertopengkan jubah, serban dan label ulama untuk mempengaruhi rakyat yang seolah-olah manusia seperti mereka tidak akan melakukan kesalahan dan dosa.

"Dahulu mereka kata UMNO kafir kerana mengadakan kerjasama dengan bukan Islam, tetapi apabila mereka juga buat begitu maka kafir itu kembali kepada mereka," ujar beliau.

Namun begitu, katanya, parti itu tidak berhenti berkempen untuk menyemai kebencian kepada UMNO dengan menunjukkan mereka adalah "Islam dan UMNO tidak.

"Pas hanya ada di Malaysia sedangkan di seluruh dunia terdapat lebih 1.3

bilion umat Islam, apakah mereka semua tidak Islam kerana tidak menjadi ahli Pas dan tidak menerima hukum hududnya," ujar beliau.

Katanya, rakyat tidak harus takut dituduh tidak Islam dengan menolak Pas yang telah membuat penghinaan sebegitu rupa terhadap Allah dengan menyamakannya dengan sifat buruk manusia sebagai samseng dan pencarut.

Umur saya dah 77 tahun dan sepanjang itu saya tidak pernah mendengar sama ada ulama terkenal dalam dan luar negara yang sanggup berkata Tuhan itu mencarut kerana Shanon Ahmad (Sasterawan Negara) berbuat demikian. Sekarang mereka mendakwa kononnya Tuhan adalah samseng terbesar lebih samseng daripada samseng dan gedebe-gedebe lain di Kelantan," ujarnya.

Katanya, Pas merampas agama dengan mencemarkan kesucian serta kebajikan demi kepentingan politik dengan turut menyakinkan rakyat tentang syurga kepada yang memilikn parti itu.

Malah, menurut Perdana Menteri, mereka juga tergamak mendakwa kononnya negeri mereka disenangi oleh nabi-nabi dan negeri yang diredai Allah sehingga mendakwa jika Nabi Muhamad S.A.W. masih hidup baginda akan kagum melawat Kelantan.

"Saya yakin, jika Nabi Muhamad masih hidup, Nabi nak ke Kelantan seperti mana baginda nak te-

mui puak Jahiliyah untuk mengembalikan orang Islam yang telah diselewengkan.

"Pas juga mengajak rakyat tidak bersyukur dengan keharmonian dan keselamatan hidup di Malaysia yang sukar diperoleh di kebanyakan negara Islam yang lain berkat pentadbiran Barisan Nasional," ujar beliau.

Katanya, kepincangan yang ditimbulkan dalam masyarakat oleh Pas kerana parti dan politik Pas bukanlah Islam.

"Politik Islam tentunya mengukuhkan perpaduan Islam dan bukannya mengkafir begitu ramai orang Islam. Sepatutnya ia menentang musuh Islam sebenar seperti Yahudi. Sebenarnya ini (Pas) bukan parti Islam... nama sebenarnya ialah Parti Aslam Malaysia. Aslam ini adalah agama Pas dan kepada orang Aslam mereka berhak menyembah Tuhan yang ganas, tuhan yang samseng.

"Kita orang Islam tidak sembah Tuhan yang samseng kerana tuhan kita maha penyayang, maha pengasih dan maha pengampun," katanya.

Beliau yang bertekad untuk terus berjuang menyedarkan tentang kepincangan Pas demi kepentingan rakyat dan agama walaupun selepas bersara kelak, mencabar pemimpin Pas membuktikan apa yang dikatakannya itu suatu kesalahan.